

Pembangunan seimbang 3 wilayah

B.H 1/02/07 M/S 10

Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan mesti seiring maju sejahtera

Temubual wartawan Berita Harian, Jami'ah Shukri dengan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique sempena Hari Wilayah Ke-33, hari ini

SETIAP 1 Februari Wilayah Persekutuan menyambut perayaan ulang tahun kelahirannya. Sejauh mana Datuk melihat usia kematangannya sepanjang tempoh itu dan bagaimana ia diterjemahkan dengan tema sambutan Maju dan Sejahtera.

Kita perlu melihat latar belakang sejarah Wilayah Persekutuan (WP), yang mana Kuala Lumpur dan Putrajaya dulunya sebahagian daripada Selangor dan hanya pada 1 Februari 1974 Kuala Lumpur diisytihar sebagai Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, pada 1 Februari 2001 manakala Labuan suatu ketika menjadi sebahagian daripada Sabah menyertai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984.

Justeru, 1978-1987 Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ditubuhkan untuk memberi tumpuan khusus terhadap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Pada 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menghidupkan semula KWP supaya dapat memberi tumpuan khusus ke arah pembangunan tiga wilayah - Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

? Seperti kementerian lain, Kementerian Wilayah Persekutuan juga ada pelan strategik tersendiri. Boleh Datuk jelaskan sedikit pelan itu sejajar tema kali ini 'Maju dan Sejahtera'.

Pada 2005, KWP melancarkan satu pelan induk hala tuju KWP yang amat penting yang dinamakan Pelan Strategik KWP. Dokumen itu bukan saja jadi garis panduan untuk KWP, malah satu pelan induk untuk mencipta hala tuju, budaya kerja serta identiti tersendiri bagi membangunkan visi Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera.

Kita memilih 'Maju dan Sejahtera' sebagai tema sambutan tahun ini kerana ia sangat sesuai. Maju melambangkan aspek pembangunan fizikal, prasarana, pentadbiran ekonomi, teknologi dan aspek lain berkaitan. Sejahtera pula sebagai petunjuk kepada keseimbangan pembangunan dari perspektif kematangan masyarakat, kesejahteraan penduduk dan kegemilangan rakyat yang dibangunkan melalui falsafah modal insan.

Pada masa sama, visi Maju dan Sejahtera boleh diaplikasikan untuk membentuk satu identiti WP yang terkandung dalam pelan strategik KWP. Justeru, kita melancarkan bendera WP, Ogos tahun lalu. Ia memberikan imej dan identiti baru kepada WP dan lagu WP juga membawa tajuk sama iaitu Maju dan Sejahtera.

? Bagaimana penghayatan masyarakat terhadap sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

tanggungjawab menjaga tiga PBT iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah DBKL adalah pusat ekonomi, sosial, pendidikan dan pelancongan. Fokus dan sasaran utama kementerian ialah menjadikan KL bandar raya maju bertaraf dunia menjelang 2020. Untuk itu retreat (siri percambahan fikiran atau program) DBKL, ia mengambil kira proses penambahbaikan isu relevan seperti masalah banjir, pengangkutan awam, kesesakan lalu lintas, perumahan, pembangunan sosioekonomi semua kaum.

Saya sarankan DBKL menyediakan Pelan Tindakan 2020 dalam tiga fasa, dengan setiap fasa selama lima tahun. Saya mahu DBKL membuat proses penjenamaan semula termasuk pembinaan DBKL Village untuk 12,000 kakitangannya.

? Bagaimana fungsi dan peranan Putrajaya dan Labuan.

Putrajaya di bawah Perbadanan Putrajaya, khusus untuk menjadikan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Fokus utama Putrajaya menentukan pengurusan dan pentadbiran kelas pertama terhadap prasarana dibangunkan.

Retreat Putrajaya, mengambil kira isu penambahbaikan termasuk pertambahan 'kritikal mass' menerusi penambahan jumlah penduduk dan pengunjung supaya Putrajaya menjadi lebih maju tanpa bergantung daripada Kerajaan Pusat.

Putrajaya juga dirancang sebagai pusat

Kita akan pastikan keperluan menangani pelbagai isu kritikal bagi setiap wilayah dilaksanakan dengan sempurna dan diteruskan bagi mencapai objektifnya. Pada 2000 Kuala Lumpur mempunyai 1.4 juta penduduk; 2005 - 2006 (1.6 juta); 2010 anggaran (1.9 juta) dan 2020 (2.3 juta). Dengan jumlah penduduk itu ia akan menjadi bandar mampu bergerak sendiri tanpa bergantung kepada kerajaan.

Jumlah penduduk Putrajaya dicatatkan tahun lalu ialah 55,000 orang; 2010 dianggarkan (154,000); 2020 (322,000). Manakala Labuan sekarang 83,500; 2010 (91,000) dan 2020 (107,000). Oleh itu kita perlu berusaha menambah bilangan penduduk di Putrajaya dan Labuan supaya objektif membangunkan kawasan itu dapat direalisasikan.

? Apakah perancangan KWP untuk memantapkan pembangunan, pentadbiran dan pengurusannya

Kalau dilihat di Kuala Lumpur dan Putrajaya, semua prasarana dan infrastruktur sudah sampai ke tahap maju, tetapi untuk menentukan pembangunan berterusan, kita perlu tentukan isu berkaitan pembangunan dapat di atasi seperti yang saya sebutkan itu.

Kita perlu pembangunan di Putrajaya dapat ditentukan ke tahap itu. Kita dapati Labuan agak kebelakangan sedikit. Oleh itu, kita perlu sediakan peluang kepada wilayah untuk seimbang dengan wilayah lain. Oleh itu, semua isu perlu dikupas dan dikaji dengan teliti menerusi pelan sedia ada. Saya percaya setiap wilayah ada peluang untuk dihidupkan oleh Kerajaan

5empena Hari Wilayah Persekutuan an hari ini, apa acara disediakan bagi memeriahkan sambutan itu.

Sambutan rasmi tahun ini diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Ia memperlihatkan kesediaan ketiga-tiga wilayah terus kekal dan relevan menjadi penyumbang utama kepada pembangunan sebuah negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kita yakin sambutan kali ini lebih meriah berbanding sebelum ini. Ia adalah inisiatif untuk menceriaikan wilayah terbabit. Kita sediakan acara dan dipecahkan kepada empat bahagian, iaitu bahagian pertama, pra hari Wilayah Persekutuan; acara tonggak, pada 1 Februari; pasca Hari Wilayah Persekutuan dan sambutan majlis di semua kawasan Parlimen.

Isnin lalu, kita adakan penyerahan bendera WP di Tol Sungai Besi dan Jalan Duta. Majlis ambang WP diadakan malam tadi di Dataran Putrajaya dengan pelbagai aktiviti menarik memeriahkan suasana.

Acara tonggak memabitkan perbarisan serta perarakan kira-kira 80 kontinjen disertai 5,000 orang dari pelbagai agensi, badan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar sekolah selain pertunjukan kebudayaan.

Malam ini acara keagamaan diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan. Acara pasca WP, diadakan Festival Hari Wilayah di Taman Tasik Titiwangsa dengan pelbagai aktiviti memabitkan penyertaan masyarakat (3 dan 4 Februari). Sementara itu setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) adakan program di ketiga-tiga wilayah dipanggil Program Bersama Rakyat kawasan Parlimen WP.

Julang kalinya, kita menganjurkan Anugerah Tokoh Warga WP sebagai kemuncak sambutan dan diberi kepada individu yang berjasa kepada pembangunan, kemajuan dalam meningkatkan imej, komited serta berdedikasi terhadap ketiga-tiga wilayah itu. Pemenang menerima wang tunai RM10,000, trofi dan sijil penghargaan. Tahun depan, Anugerah Tokoh akan diperluaskan untuk kategori lain termasuk agensi dan syarikat.


Tahun ini amat istimewa, tidak saja ulang tahun ke-33 Hari Wilayah, tetapi menyambut 50 tahun Merdeka dan Tahun Melawat Malaysia (TMM). Oleh itu, ia menjadi komponen penting untuk membantu dalam pengisian bagi setiap sambutan terbabit.

Justeru, Hari Wilayah memberi nilai tambah kepada TMM 2007 dan menjadi tanggungjawab kepada KWP untuk menentukan acara itu dapat dicapai dengan baik dan ketiga-tiga wilayah menjadi pusat kemasukan pelancong.

Penghuni kota memaikan peranan penting. Jika masyarakat tidak terbabit dalam perayaan sambutan itu ia tidak akan meriah. Bentuk perayaan yang dirangka tahun ini juga menumpukan kepada pembabitan aktif masyarakat dan sekali gus memberikan penghayatan.

? Se jauh mana peranan dan cabaran KWP dalam menyeimbangkan pembangunan dan pentadbiran untuk ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Saya melihat peranan KWP sebagai satu kementerian strategik dan kritikal kepada pembangunan. Kuala Lumpur, sebagai ibu negara menjadi pintu masuk utama. Bagaimanapun, KWP ber-



Putrajaya juga dirancang sebagai pusat kecemerlangan sukan air unggul di dunia, gelanggang utama sukan equestrian dan polo di samping bandar raya bunga dan pusat komersial.

Labuan diletakkan di bawah Perbadanan Labuan. Labuan lebih terkenal sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa dan pulau pelancongan bebas antarabangsa dan pusat pendidikan terkemuka. Labuan juga menjadi pintu masuk ke Sabah dan Sarawak bagi ketiga-tiga faktor utama itu. Labuan juga maju dalam industri pembangunan petroleum dan gas serta perkapalan dan perikanan. Labuan juga memberi fokus kepada pembangunan Halal Hab Sabah dan Sarawak.

Saya juga mencadangkan Pelan Tindakan Labuan 2020 dalam tiga fasa. KWP bertanggungjawab hal ehwal pembangunan dan pengurusan pulau luar pesisir. Gugusan Semarang Peninjau memabitkan Terumbu Layang-Layang akan dijadikan pusat pelancongan laut dalam dan pusat penyelaman unggul.

? Jumlah penduduk di ketiga-tiga wilayah kini melebihi 1.6 juta orang. Bagaimana kepadatan penduduk itu membantu meningkatkan kematangan pembangunan bagi setiap wilayah.

“ Kita perlu sediakan peluang kepada wilayah untuk seimbang dengan wilayah lain. Setiap wilayah ada peranan dan objektif tersendiri, ada ciri berbeza, aspek dan cara tertentu untuk dibangunkan”

Zulhasnan Rafique
Menteri Wilayah Persekutuan

ada. Saya percaya setiap wilayah ada peranan dan objektif tersendiri. Setiap wilayah ada ciri berbeza, aspek dan cara tertentu untuk dibangunkan. Kita juga menyediakan peruntukan lebih RM2 bilion untuk membangunkan Labuan.

? Apakah KWP merangka program pembaharuan bagi memperkukuh kan urbanisasi Melayu supaya tidak terus terpinggir dan menjadi warga kota kelas kedua.

Di WP wujud fenomena unik yang tidak berlaku di negeri lain, iaitu migrasi. WP menjadi tumpuan kemasukan pelbagai latar belakang manusia dan rakyat dari seluruh negara dari satu kawasan berpusat yang menjanjikan masa depan yang lebih progresif dan baik. Ini termasuk kakitangan awam, penjawat sektor swasta, peniaga dan pelajar. WP umpama rumah persinggahan untuk mencari rezeki.

Walaupun ada yang terus menetap di WP, majoriti penghuni terdiri daripada rakyat negeri lain yang akan pulang ke negeri asal mereka dari semasa ke semasa. Inilah keunikan yang menjadikan WP sebagai cermin kepada Malaysia atau 'WP Trully Malaysia' dan mengapa WP adalah lebih daripada sebuah negeri.

Justeru, sebarang usaha pembangunan sosioekonomi WP perlu mengambil kira isu Melayu bandar. Malah pada konvensyen Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan tema yang dipilih ialah 'Umno WP Wadah Perjuangan Memartabatkan Melayu Bandar'. Ucapan saya sendiri sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno WP menjurus kepada pembangunan dan memperkasakan Melayu bandar.

Ini amat penting untuk membolehkan pembangunan seimbang antara kaum diteruskan. KWP menumpukan pembangunan sosioekonomi menerusi penajaan suasana kondusif peluang pekerjaan kepada orang Melayu berpendapatan rendah. Justeru, 15,000 lesen tambahan kepada peniaga dan penjaja diwujudkan serta memperbanyakkan tapak perniagaan. Kementerian juga akan menyediakan perumahan melalui penyewaan dan pemilikan rumah kos rendah dan sederhana.